



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

SEMANGAT KERJASAMA SEMASA KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN CETUS KECERIAAN BUAT KOMUNITI TAMAN DATO' SENU

KUALA LUMPUR, 3 Februari 2018 – Kenduri 1Wilayah Persekutuan dijayakan bersama oleh 3,000 penduduk di sekitar Taman Dato' Senu pada hari ini. YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan turut bersama-sama komuniti dalam menyemarakkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2018 ini. Program ini mendapat sokongan yang tinggi daripada rakyat yang merupakan *signature* program SHWP pada setiap tahun.

Tema “Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera” dilihat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan dari aspek meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat. Sebanyak 35 program telah disusun sepanjang bulan SHWP yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Ini termasuk program-program bersifat sukan dan rekreasi serta program tanggungjawab sosial masyarakat. Antara aktiviti riadah yang diadakan semasa Kenduri 1WP adalah senamrobik, pertandingan mewarna, sukaneka, persembahan pentas, pameran dan lain-lain.

Pelbagai inisiatif bagi mensejahterakan rakyat sentiasa dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan kesejahteraan kehidupan warga Wilayah Persekutuan. Bagi membantu mengurangkan masalah tempat meletak kenderaan di Taman Baiduri, penyediaan parkir 8 tingkat telah disiapkan sepenuhnya dengan kapasiti sebanyak 387 kenderaan dalam satu masa. Ianya terletak di hadapan pejabat PPR Intan Baiduri. Kita harap dengan adanya parkir bertingkat ini dapat memberikan kemudahan kepada penduduk yang selama ini terpaksa berdepan dengan masalah kekurangan tempat meletak kenderaan.

Melalui pelaksanaan Kenduri 1WP dapat menanam semangat kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan rakyat. Selain itu, melalui pelaksanaan program ini, pemimpin berpeluang mendekati rakyat bagi mendengar permasalahan rakyat dan menangani isu-isu setempat dengan segera. Penyertaan warga Wilayah Persekutuan di dalam program-program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 akan dapat meningkatkan semangat kerjasama serta memupuk keharmonian sesama masyarakat.

Disediakan oleh

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan